

Headline	Wartawan, jurugambar Utusan terima anugerah		
Date	19. Aug 2008	Language	MALAY
Media Title	Utusan Malaysia	Page No	16
Section	Dlm Negeri	Article Size	253 cm2
Circulation	238082	Frequency	Daily
Readership	833287	Color	Full Color
		AdValue	3576.82



## Wartawan, jurugambar Utusan terima anugerah



KUALA LUMPUR 18 Ogos - Empat wartawan *Utusan Malaysia* menerima Anugerah Media Universiti Putra Malaysia (UPM) sempena majlis universiti itu bersama media yang berlangsung di sini baru-baru ini.

Wartawan berkenaan ialah Rajmah Hasan yang memenangi Anugerah Berita Terbaik manakala Mohd. Khuzairi Ismail memenangi Anugerah Rencana Terbaik yang masing-masing membawa pulang wang tunai sebanyak RM1,000 beserta trofi dan sijil.

Seorang lagi wartawan *Utusan Malaysia*, Laupa Junus memenangi Anugerah Penulis Rencana Produktif dan menerima wang tunai sebanyak RM700,

trofi dan sijil manakala jurugambar *Utusan Malaysia*, Hayat Suet memenangi Anugerah Foto Terbaik dan membawa pulang wang tunai sebanyak RM1,000 dengan trofi dan sijil.

Dalam pada itu, akhbar *Utusan Malaysia* juga menerima anugerah bagi Liputan Artikel Penyelidikan Tertinggi Keseluruhan 2007/2008 bagi Kategori Organisasi.

Pemilihan anugerah itu dibuat berdasarkan liputan menyeluruh dan ketepatan berita yang dihasilkan sejak Julai 2007 hingga Jun 2008 lalu.

Sementara itu, wartawan *Kosmo!*, Ahmad Syukran Zainuddin menerima Anugerah Khas Juri berdasarkan laporan-laporan yang dapat menaikkan imej UPM.

Hadiah kemenangan disampaikan oleh Naib Canselor UPM, Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah Mohd. Yusoff.

**(DARI kiri) Laupa Junus, Mohd. Khuzairi Ismail, Rajmah Hasan dan Santhy Muthalu yang mewakili jurufoto terbaik, Hayat Suet menerima Anugerah Media Universiti Putra Malaysia di Hotel Le Meridien, Kuala Lumpur, baru-baru ini.**